

Rasionalisasi Subsidi selamatkan ekonomi: PM

Dasar lebih ampuh dilaksana kurangkan beban kerajaan

Oleh Izwan Abdullah
bhnews@bh.com.my

Kota Kinabalu: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, subsidi ditanggung kerajaan untuk rakyat yang turut meliputi caj bagi bekalan elektrik, harga minyak serta bekalan makanan dijangka mencecah RM81 bilion tahun ini.

Meskipun angka itu tinggi, Perdana Menteri berkata mengurangkan subsidi bukanlah satu pilihan untuk dilaksanakan kerajaan kerana langkah itu jika dilakukan akan membebankan rakyat berpendapatan rendah.

Beliau bagaimanapun mengakui, tiada negara yang mampu bertahan dengan jumlah subsidi sebegitu besar tanpa melaksanakan tindakan ke arah mengu-

rangkan beban yang ditanggung kerajaan.

Justeru, kerajaan perlu mengemukakan satu dasar lebih ampuh dan realistik untuk menyelamatkan ekonomi negara iaitu dengan melaksanakan rasionalisasi dalam pemberian subsidi.

Memberi contoh rasionalisasi subsidi berkaitan elektrik dan kos haji, Perdana Menteri menegaskan hanya kelompok terkaya dan berpendapatan tinggi dibatalkan kemudahan subsidi, manakala rakyat kebanyakan tidak akan terkesan.

“Elektrik (sebagai contoh) hanya satu peratus (golongan) terkaya sahaja dibatalkan subsidi, manakala 99 peratus rakyat tidak terkesan.

“Baru-baru ini saya minta Tabung Haji kaji semula (supaya) orang kaya berpendapatan RM1 juta sebulan (atau) RM10,000 sebulan tidak perlu dapat subsidi. Mereka mendapat haji mabrur dengan keupayaan mereka.

“Subsidi ini maknanya harga itu tinggi dan kita bayar untuk kurangkan. Ia bukan ekonomi pasaran, ini disebut sebagai campur tangan kerajaan untuk me-



Anwar merasmikan Konvensyen Pengurusan Hal Ehwal Islam Sempena Ijtimak Perdana Agensi Agama Seluruh Malaysia di Kota Kinabalu, sambil diperhatikan Hajiji, malam kelmarin. (Foto Mohd Adam Arinin/BH)

ngurangkan beban. Subsidi makanan (sebagai contoh) tinggi, subsidi ayam dan telur sehingga 30 September lalu sahaja mencecah RM3.8 bilion,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Konvensyen Pengurusan Hal Ehwal Islam Sempena Ijtimak Perdana Agensi Agama Seluruh Malaysia (IJPAM) 2023 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah di sini malam kelmarin.

Yang turut hadir Ketua Menteri Sabah, patuk Seri Hajiji Noor dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar.

Dalam pada itu, Anwar berkata kerajaan akan mencari jalan memastikan harga beras putih import (BPI) di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak tidak terlalu tinggi disebabkan kos pengangkutan.

“Sekarang, harga beras (BPI) turun kepada RM31, tetapi di kawasan pedalaman mungkin ting-

gi sikit kerana kos pengangkutan.

“Jadi Kerajaan Persekutuan akan bincang dengan negeri mengenai langkah boleh diambil bagi memastikan harga BPI di kawasan pedalaman kedua-dua negeri tidak membebankan,” katanya.

Isnin lalu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu mengumumkan pemberian subsidi RM950 bagi satu tan BPI di Sabah dan Sarawak bagi menurunkan harganya kepada RM31 untuk kampil 10kg yang berkuat kuasa hari ini.

Mengenai majlis malam kelmarin, Perdana Menteri mengingatkan agensi hal ehwal Islam serta tokoh Islam perlu memberi input dalam dasar negara seperti Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dan belanjawan tahunan agar konsep Malaysia MADANI dapat diterapkan untuk pembangunan negara dan rakyat yang lebih mampan.

Beliau berkata, pihak terbabit perlu memberi input secara ke-

seluruhan dalam dasar itu dan tidak hanya fokus kepada bidang agama Islam semata-mata, tetapi juga bidang lain yang memerlukan.

“Saya telah sampaikan kepada pegawai JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) untuk memberikan kerjasama kerana berbeza pendekatan lalu, kita tidak gunakan badan-badan Islam ini hanya untuk program agama secara terpisah.

“Ketika saya mengupas kajian separuh penggal RMK12, draf itu saya kirim kepada Ketua Pengarah JAKIM dan mohon supaya ulas, bukan ulasan tentang program agama (tetapi) ulasan tentang RMK12,” katanya sambil menegaskan Malaysia MADANI antara ‘perencana’ penting dalam Belanjawan 2024 yang akan dibentangkan 13 Oktober ini.

IJPAM 2023 berlangsung bermula 30 September dan berakhir semalam menyaksikan penyertaan 1,837 peserta daripada pelbagai agensi hal ehwal Islam peringkat Persekutuan dan negeri dari seluruh negara.